

16/10/2000

Kekalkan kehijauan alam semula jadi

PEMBANGUNAN tidak bermakna kita perlu mengorbankan alam semula jadi. Dalam proses pembangunan, banyak berlaku kerosakan alam sekitar berikutan sikap tamak pemaju yang hanya mahu mencari untung. Mereka menebang pokok dan memotong bukit untuk melaksanakan projek masing-masing tanpa mengambil kira faktor sampingan. Mereka lupa kesan buruknya terhadap kawasan pembangunan dan alam sekitar.

Dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara taman, kita perlu berusaha memastikan unsur-unsur keindahan semula jadi, seperti pokok tidak dimusnahkan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan penanaman pokok alam baru di Taman Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam, menekankan apabila sesuatu bangunan itu didirikan, tidak semestinya semua pokok di situ ditebang. Pokok sedia ada, terutama yang melebihi 100 tahun mengambil masa panjang untuk membesar. Kita perlu menyedari keperluan mengekalkan alam semula jadi, termasuk menjaga pokok. Sesuatu projek pembangunan, walau besar mana sekali pun, hanya memerlukan satu jangka yang pendek untuk dilaksanakan, tetapi bagi membesarkan sebatang pokok, mengambil masa yang panjang.

Banyak kerosakan alam disebabkan sikap masyarakat yang tidak mahu menjaga alam semula jadi. Banjir kilat, hakisan tanah dan tanah runtuh adalah antara kesan buruk disebabkan tindakan manusia merosakkan alam semula jadi, termasuk menebang pokok dan memotong bukit sesuka hati. Masyarakat dari semua peringkat perlu menyemai perasaan tanggungjawab terhadap alam semula jadi, jika mahu menjadikan Malaysia sebuah negara taman yang selesa dan nyaman untuk dihuni.

(END)